



SIARAN MEDIA

ANUGERAH BANDAR PALING BAHAGIA 2025: KOMITMEN KPKT DALAM MENYANTUNI AGENDA MALAYSIA MADANI

PUTRAJAYA, 20 MAC 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (*International Day of Happiness*) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya petang ini.

Bertemakan “**Prihatin dan Kebersamaan #Demi Pertiwi**”, sambutan yang diraikan pada 20 Mac setiap tahun ini bertujuan mengiktiraf hubungan antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat.

Di peringkat negara, tahap kebahagiaan penduduk di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diukur melalui Indeks Kebahagiaan di bawah Program Jaringan Penunjuk Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets), yang diselia oleh KPKT melalui PLANMalaysia. Indeks kebahagiaan merupakan pengukuran umum terhadap tahap kesejahteraan penduduk yang merangkumi aspek kesihatan, kesejahteraan mental dan fizikal serta tahap dan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh PBT seperti **penjagaan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa pepejal dan kutipan sampah yang berkesan dan teratur.**

Sebanyak **153 PBT** di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan), Sabah dan Sarawak telah terlibat dalam Kajian Indeks Kebahagiaan iaitu **115 bandar (75%)** mencapai **status bahagia** dan **38 bandar (25%)** mencapai status **seederhana bahagia**.

Dalam majlis tersebut, YB KM telah menyampaikan **20 Anugerah Bandar Paling Bahagia Tahun 2025** mengikut kategori seperti berikut :

a) Bandar Paling Bahagia (Kategori Majlis Daerah)

- i. Bandar Lipis, Pahang
- ii. Cameron Highlands, Pahang
- iii. Bandar Kuala Krai, Kelantan
- iv. Bandar Baharu, Kedah
- v. Bandar Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- vi. Bandar Jerantut, Pahang
- vii. Bandar Jelebu, Negeri Sembilan
- viii. Bandar Telupid, Sabah

b) Bandar Paling Bahagia (Kategori Majlis Bandaraya/Perbandaran)

- i. Bandar Bintulu, Sarawak
- ii. Bandar Temerloh, Pahang
- iii. Bandaraya Johor Bahru, Johor
- iv. Bandaraya Diraja Klang, Selangor
- v. Bandar Port Dickson, Negeri Sembilan
- vi. Bandar Jasin, Melaka
- vii. Bandar Pontian, Johor
- viii. Bandar Ampang Jaya, Selangor
- ix. Bandar Batu Pahat, Johor
- x. Bandaraya Melaka Bersejarah, Melaka
- xi. Bandaraya Petaling Jaya, Selangor
- xii. Bandar Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya

YB KM turut melancarkan Laporan Kebahagiaan Bandar Malaysia 2025 iaitu laporan tahap pencapaian indeks kebahagiaan bagi kesemua 14 bidang yang diukur melalui Indeks Kebahagiaan, MURNInets. Laporan ini boleh dijadikan rujukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengenal pasti perkara yang perlu ditambah baik dalam usaha meningkatkan kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk di kawasan masing-masing.

Indeks Kebahagiaan Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5 mata dari 5 tahun sebelum ini, iaitu daripada pencapaian 83.34% pada tahun 2020 kepada 88.84% pada tahun 2025.

Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (*International Day of Happiness*) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 dan pengukuran Indeks Kebahagiaan MURNInets bagi bandar-bandar di Malaysia adalah selaras dengan agenda global iaitu **Sustainable Development Goals (SDGs)** khususnya **SDG 11 (Sustainable Cities and Communities)** ke arah mencapai pembangunan bandar yang bahagia, sejahtera, mampan dan selamat selaras dengan agenda **Malaysia MADANI**.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks :



Kerajaan Tempatan
03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my